



# Menyucikan Najis Babi

Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki



**P**erintah supaya bersuci apabila terkena najis menunjukkan Islam sangat mengambil berat dan mengutamakan aspek kebersihan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah SWT itu baik, Dia menyukai kebaikan, dan Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan.” (Hadis riwayat al-Tirmidzi). Oleh itu, fitrah manusia yang waras pastinya cenderung terhadap kebersihan dan secara tabiinya menjauhkan diri daripada kekotoran lebih-lebih lagi najis yang diharamkan oleh Allah SWT, seperti babi dan anjing.

Dalam masyarakat Melayu, babi digambarkan sebagai haiwan yang amat jelik. Buktinya, jika terdapat mana-mana produk terutamanya makanan yang dikaitkan dengan haiwan tersebut, pasti produk tersebut akan diboikot seperti yang terjadi pada sebuah jenama produk makanan berasaskan coklat suatu ketika dahulu, sehingga menyebabkan syarikat tersebut mengalami kerugian.



Terdapat banyak mudarat daripada babi yang telah ditemui terutamanya oleh ahli perubatan dan sains. Misalnya, seorang pakar perubatan di negara ini, Dr. Danial Zainal Abidin yang memetik rumusan yang dibuat oleh Daniel S. Shapiro bahawa terdapat lebih 25 penyakit yang berpunca daripada babi. Misalnya, pada tahun 1918 virus influenza yang kumannya berpunca daripada babi telah menyebabkan kematian hampir 20 juta manusia. Begitu juga pada tahun 1957, muncul satu wabak yang dikenali sebagai asian flu. Pada tahun 1968 pula, satu wabak yang menyerang Hong Kong juga berkemungkinan berpunca daripada kuman yang datang daripada haiwan ternakan yang kemudiannya menjangkiti babi. Pada tahun 1997, ditemui virus yang berbahaya di dalam badan babi, iaitu virus retroviruses PERVS. Virus ini boleh merebak melalui cecair yang ada di dalam tubuh manusia, dan mudah menjangkiti orang lain.

Negara kita juga tidak terkecuali daripada menerima tempias mudarat babi. Pada tahun 1999, kita dikejutkan dengan penyakit yang berpunca daripada virus babi yang dinamakan virus Nipah yang menjangkiti kira-kira 265 orang sehingga menyebabkan kematian lebih 105 orang. Jangkitan virus ini juga turut merebak kepada pekerja tempat sembelihan babi di Singapura sehingga menjejaskan industri ternakan babi di negara tersebut.

Dalam mazhab Syafii, najis dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu mughallazah (berat), mutawassithah (pertengahan) dan mukhaffafah (ringan). Berdasarkan pandangan Imam Syafii juga, asas penetapan ini mengikut kaedah penyucian sesuatu yang terkena najis, iaitu basuhan najis yang perlu disertai, najis yang hanya perlu dibasuh sahaja, dan najis yang hanya perlu direnjiskan air sahaja di tempat terkena najis selepas dibuang air najis tersebut. Perbezaan antara ketiga-tiga

jenis najis ini disebabkan najis mughallazah dihukumkan najis berdasarkan nas yang *qat'i*. Najis mukhaffafah pula ialah najis yang ditetapkan hukumnya berdasarkan nas yang tidak *qat'i*.

Pandangan yang muktamad berdasarkan mazhab Syafii mengatakan bahawa anjing, babi dan sesuatu yang terhasil daripada kedua-duanya atau satu daripadanya ialah najis mughallazah, iaitu najis berat. Walaupun terdapat perbezaan pendapat atau khilaf dalam aspek penyucian najis antara mazhab, kaedah yang dianjurkan oleh fuqaha mazhab Syafii lebih cenderung diaplikasikan dan diamalkan oleh majoriti masyarakat di negara ini.

Berkenaan dengan pengharaman babi ini, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, dan daging babi, serta binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (*Surah al-Baqarah* 2:173).

Oleh itu, Imam Jalaluddin al-Suyuti dalam kitab tafsirnya, *Tafsir al-Jalalayn* menyebutkan bahawa "Syarak menyebut daging secara khusus kerana itulah subjek yang lebih banyak dan ketara, sedangkan bahagian-bahagian lain itu hukumnya mengikut hukum daging itu."

Berkaitan dengan hujah kenajisan babi, Imam Syafii menggunakan qiyas ke atas kenajisan anjing seperti yang disebutkan dalam sebuah hadis riwayat al-Bukhari yang bermaksud, "Apabila seekor anjing minum pada bekas kamu, hendaklah dibasuh tujuh kali." Sehubungan dengan itu, hukum kenajisan babi sama dengan hukum kenajisan anjing. Bahkan menurut al-Shirazi, kenajisan babi lebih utama kerana

## 1918

Virus influenza yang kumannya berpunca daripada babi telah menyebabkan kematian hampir 20 juta manusia.

## 1957

Muncul satu wabak yang dikenali sebagai asian flu.

## 1968

Satu wabak yang menyerang Hong Kong juga berkemungkinan berpunca daripada kuman yang datang daripada haiwan ternakan telah menjangkiti babi.

## 1997

Ditemui virus yang berbahaya dalam badan babi, iaitu virus retroviruses PERVS. Virus ini boleh merebak melalui cecair yang ada di dalam tubuh manusia, dan mudah menjangkiti orang lain.

pengharaman untuk memakan daging babi disebut oleh al-Quran, berbeza dengan tegahan untuk memakan anjing yang sama sekali tidak disebut dalam al-Quran. Hujah ini disokong hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah telah mengharamkan arak dan hasil jualannya, dan Allah mengharamkan bangkai dan hasil jualannya, dan Allah mengharamkan babi dan hasil jualannya." (Hadis riwayat Abu Dawud).

Terdapat juga pandangan lain yang menunjukkan kenajisan babi lebih utama berbanding dengan anjing. Antaranya, al-Mawardi menyebutkan bahawa termasuklah pengharaman mengambil manfaat daripada babi dalam semua keadaan, berbeza dengan anjing yang dibolehkan mengambil manfaat daripadanya pada keadaan tertentu.

Dalam aspek basuhan, terdapat khilaf dalam kalangan fuqaha tentang kaedah penyucian bekas atau sesuatu yang terkena anjing dan babi. Mengikut pandangan muktamad dalam mazhab Syafii, perlulah dibasuh sebanyak tujuh kali basuhan, termasuk satu daripadanya menggunakan air tanah.

Berdasarkan mazhab Maliki pula, penyucian secara basuhan tujuh kali hanya pada jilatan atas asas *ta'abudi* (melakukan apa-apa yang disuruh berdasarkan kepada perintah semata-mata) kerana terdapat hadis Rasulullah SAW yang menyuruh membasuh tujuh kali. Walaupun perlu dibasuh, tetapi status sesuatu yang dijilat itu suci, sama seperti jilatan binatang buas yang lain juga. Atas dasar asas tersebut, mereka tidak membuat qiyas perintah basuhan jilatan anjing itu ke atas anggota



"Adapun babi maka hukumnya sama seperti anjing pada isu ini (*tasbi' dan tatrib*). Inilah mazhab kami (pendapat muktamad Syafiiyyah). Adapun jumhur ulama berpendapat bahawa babi, (penyuciannya) tidak memerlukan basuhan tujuh kali dan ini juga satu daripada pendapat Syafii. Daliinya jua kuat (di sisiku, yakni al-Nawawi)."

anjing yang lain dan juga babi. Malah, terdapat juga pandangan dalam mazhab Maliki yang menyebut 'illah perintah basuhan itu adalah kerana kekotoran yang ada semata-mata kepada anjing. Oleh sebab itu, mereka tidak membuat qiyas kepada babi dalam perkara ini.

Menurut pandangan mazhab Hanafi pula, kadar basuhan najis anjing dan babi sama seperti najis lain, iaitu sekiranya najis itu ada ain (boleh dilihat), basuhannya sekali atau beberapa kali bergantung pada hilangnya ain yang terdapat pada najis tersebut. Oleh itu, sekiranya najis itu daripada kategori yang tidak boleh dilihat, basuhannya hendaklah mengikut *glabah al-zhann* (sangkaan kuat - telah bersih) sebaik-baiknya tiga kali basuhan.

Hujah ini secara tidak langsung menolak pendapat yang dikeluarkan oleh Imam Syafii yang berdalilkan hadis menyuruh membasuh tujuh kali itu. Dalam pandangan mereka, hadis tersebut disebut pada fasa peringkat awal Islam yang bertujuan untuk mencabut budaya manusia yang mesra dengan haiwan peliharaan termasuklah anjing. Sekiranya najis itu termasuk dalam kategori najis yang dapat dilihat, basuhannya adalah mengikut hilangnya ain najis tersebut. Bagi pandangan yang *asah* dalam mazhab Hanbali, sesuatu yang terkena anjing atau babi hendaklah dibasuh tujuh kali, termasuk satu daripadanya menggunakan air tanah selari dengan pendapat yang dipersetujui dalam mazhab Syafii. Kaedah inilah yang diamalkan oleh majoriti masyarakat Islam di negara kita.

Mereka yang sukar untuk melaksanakan kaedah basuhan



secara *tasbi'* (tujuh kali basuhan) dan *tatrib* (mencampurkan air dengan tanah), misalnya akan menyebabkan kesukaran untuk menjalankan tugas atau bahaya kerosakan pada peralatan, setelah tahkik bahawa memang ada kawasan yang dicemari najis babi, maka boleh bertaklid dengan pendapat kedua Imam Syafii yang lebih ringan seperti yang disebut oleh Imam al-Nawawi dalam *Syarah Sahih Muslim*: "Adapun babi maka hukumnya sama seperti anjing pada isu ini (*tasbi'* dan *tatrib*). Inilah mazhab kami (pendapat muktamad Syafiiyyah). Adapun jumhur ulama berpendapat bahawa babi, (penyuciannya) tidak memerlukan basuhan tujuh kali dan ini juga satu daripada pendapat Syafii. Dalilnya juga kuat (di sisiku, yakni al-Nawawi)."

Malah, dalam bab penyucian najis, apabila seorang yang bermazhab Syafii ingin bertaklid dengan pandangan mazhab lain seperti Maliki, iaitu najis babi atau anjing bukanlah najis mughallazah, atau membasuh najis hukumnya sunat sahaja, para ulama mensyaratkan seseorang itu mestilah menjaga juga hukum yang berkaitan seperti solat dan taharah. Hal ini berdasarkan pandangan Imam Ibn Hajar al-Haitami yang tercatat dalam *al-Fatawa al-Fiqhiyyah al-Kubra*, iaitu "Benar, bagi (Imam) Malik pendapat yang masyhur, yang diharuskan untuk berfatwa dan beramal dengannya bahawa menghilangkan najis itu sunat sahaja (dalam solat) dan tidak wajib, maka diharuskan untuk bertaklid dengan pendapat ini dengan syarat seseorang itu hendaklah beriltizam dengan hukum-hakam bersuci dan solat mengikut mazhab Maliki rahimahullah, jika tidak maka jadilah talfiq dalam urusan taklid, sedangkan hal itu batil dengan kesepakatan ulama, bahkan sebahagian ulama mengibaratkan dengan ijmak."

Maka itu, diharuskan bagi seseorang yang bermazhab Syafii untuk bertaklid kepada mujtahid tarjih dalam mazhab Syafii yang mempunyai pandangan yang berbeza dengan pendapat muktamad mazhab, tetapi kuat dalilnya di sisi mujtahid berkenaan, serta difatwakan oleh ulama Syafiiyyah dalam kes tertentu dan tidak bertentangan dengan ijmak. Hujah ini disokong

dengan keadaan sekiranya bertaklid dengan pendapat muktamad akan mendatangkan kesukaran pada adat kebiasaan seseorang, contohnya kehidupan seorang pendakwah di perkampungan orang asli yang biasa berinteraksi dengan babi atau yang melibatkan sentuhan babi dalam sesuatu tugas, seperti petugas di jabatan haiwan atau doktor veterinar.

Hujah ini berdasarkan pandangan Syeikh Abdul Rahman bin Muhammad Ba'awi dalam kitab karangan beliau, *Bughyah al-Mustarsyidin* yang menyebut bahawa, "Dibenarkan kepada seseorang yang beriltizam dengan mazhab Syafii untuk bertaklid dengan mazhab lain, atau pendapat yang *marjuh* (lawan bagi rajih) dalam mazhab Syafii kerana keperluan, kerana akan berlaku kesukaran yang tidak bertanggung oleh adat. Jika tiada kesukaran itu, maka haram bertaklid dengan mazhab lain atau pendapat *marjuh*, melainkan jika orang (mujtahid) yang ditaklid itu ialah seseorang yang berkeahlian untuk mentarjihkan pendapat dan orang yang bertaklid itu melihat dalilnya lebih rajih berbanding dalil imam mazhabnya."

Oleh itu, berdasarkan beberapa pandangan yang telah dinyatakan, dalam ruang lingkup dan situasi di negara kita, tidak ada keperluan untuk sewenang-wenangnya bertalfiq kepada mazhab Maliki tanpa sebarang keperluan mendesak, serta yang boleh mendatangkan kesukaran kepada seseorang.

Berdasarkan pengharaman babi kepada manusia, penulis ingin berkongsi kata-kata Imam Syafii dalam *al-Hawi al-Kabir* yang dinukilkan oleh Imam al-Mawardi, "Allah SWT tidak mengharamkan suatu benda melainkan dia mencukupkan (manusia) dengan penggantinya daripada jenis yang diharuskan. Maka sesungguhnya Dia mengharamkan zina, tetapi mengharuskan nikah, mengharamkan daging babi, tetapi mengharuskan daging unta, mengharamkan sutera (untuk lelaki), tetapi mengharuskan bulu biri-biri dan kapas." Perkara ini jelas membuktikan bahawa Islam agama yang mudah dan tidak memberatkan umatnya untuk menjalani kehidupan di atas muka bumi ini demi meraih kebahagiaan di akhirat kelak. 